



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Perlis
Kampus Arau

Buletin InTouch

@ UiTM Cawangan Perlis

Edisi:
2022

Mendukung Misi GRU2025

Fokus Utama Amanat Rektor
UiTM Cawangan Perlis Bagi
Tahun 2022

Menarik di dalam



UiTM Cawangan Perlis Jalin Kerjasama
Bersama Korea Sports Promotion Foundation
(KSPO) Korea Selatan



Program Hari Hutan Sedunia (21 Mac),
Hari Air Sedunia (22 Mac) dan Ulang Tahun
Penubuhan Trash Hero Perlis Yang Ke-3



UiTM Cawangan Perlis Jalin Kongsi
Kepakaran Kepada Komuniti
Orang Asli Melalui ESKOM
2022



Majlis Menandatangani Memorandum
Perjanjian (MoA) Antara Universiti
Teknologi MARA (UiTM) Dengan
Universitas Gajah Mada (UGM)
Indonesia

HARI ALAM SEKITAR NEGARA 2022 PERINGKAT NEGERI PERLIS DISAMBUT MERIAH DI UiTM CAWANGAN PERLIS



Oleh:
Eliy Nazira Mat Nazir
Dr. Fazly Amri Mohd

derma darah juga diadakan bersempena Karnival Geomatik peringkat UiTM Cawangan Perlis.

Arau, 3 November 2022 - Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Perlis bagi tahun 2022 melibatkan warga kampus Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perlis. Sambutan Hari Alam Sekitar itu disambut serentak bersama Karnival Geomatik Universiti Teknologi Mara Cawangan Perlis selama dua hari bermula 2 November 2022.

UiTM Cawangan Perlis menyambut baik usaha-usaha untuk memupuk kesedaran bagi menghijaukan dan memulihara bumi seiring dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) yang menekankan usaha-usaha pemuliharaan alam sekitar untuk kehidupan yang lebih lestari.

YBhg Rektor UiTM Cawangan Perlis, Prof Madya Ts Dr Shukor Sanim Mohd Fauzi

dalam ucapan aluannya berharap program-program sebegini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang supaya dapat memupuk kesedaran orang ramai tentang kepentingan menjaga alam sekitar dan sebagai salah satu usaha menangani kesan perubahan iklim dunia melalui aktiviti penanaman pokok.

Pelbagai pengisian program telah dijalankan sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Perlis bagi tahun 2022 ini. Antaranya seperti aktiviti senam aerobik, pameran, penanaman pokok, pertandingan *e-Sport*, pertandingan mewarna dan juga pengumpulan barang-barang kitar semula (*e-Waste*). Manakala aktiviti seperti *campus tour*, *geomatic classroom*, *NeoRun*, program ceramah dan

Majlis Perasmian dan penutup bagi program sambutan ini telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis yang turut meluangkan masa bagi menyempurnakan simbolik penanaman pokok jenis 'Merawan Siput Jantan' di akhir sesi.

Hadir bersama adalah Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis, Puan Norasmah Bt Ab. Rani; YBrs. Encik. Awang Shaffie Bin Awang. Ahmadni, Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Perlis; barisan Pengurusan Kanan Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis, Ketua-ketua Jabatan dan wakil-wakil agensi serta barisan pensyarah dan juga pelajar.



YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad menyempurnakan aktiviti penanaman pokok sebagai simbolik usaha penghijauan semula alam sekitar.



YBhg Rektor UiTM Cawangan Perlis, Prof Madya Ts Dr Shukor Sanim Mohd Fauzi menyampaikan ucapan aluan.



Aktiviti jualan sempena Karnival Geomatik peringkat UiTM Cawangan Perlis.



Program derma darah yang diadakan di dalam kampus

Aktiviti gotong royong membersihkan kawasan kampus bagi menyokong kempen "Jaga Alam Sekitar"



Aktiviti senamrobik sebagai simbolik gaya hidup sihat



Campus Tour bertempat di Perpustakaan Dato Jaafar Hassan



Pertandingan mewarna yang disertai oleh pelajar pra sekolah



Sesi penerangan oleh pihak Environment Idaman

